

18/06/1998

RM10,000 untuk pelajar cemerlang

Jamudin Idris

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menawarkan hadiah wang tunai RM10,000 dan medal emas untuk pelajar Melayu paling cemerlang daripada jurusan kejuruteraan dan sains bermula tahun ini.

Bendahari Agungnya, Wan Mohd Al-Bakri Md Nor, berkata hadiah daripada Tabung Pendidikan Tan Sri Yahya Ahmad itu terbuka kepada penuntut universiti tempatan dan luar negara.

Selain itu, pihaknya akan memberikan RM4,000 dan medal emas kepada empat pelajar terbaik.

"DPMM akan bekerjasama dengan universiti tempatan dan penaja pelajar Malaysia ke luar negara bagi memilih lima pelajar paling cemerlang setiap tahun bermula tahun ini untuk menerima hadiah itu," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan latihan teater Bangsawan anjuran DPMM bertajuk "Sirih Bertepuk Pinang Menari" di Kuala Lumpur petang semalam.

Menurut Wan Mohd Al-Bakri, tabung yang ditubuh untuk mengenang jasa bekas Presiden DPMM, Allahyarham Yahya hingga kini sudah mengumpul kira-kira RM250,000.

Katanya, dengan adanya hadiah lumayan yang ditawarkan DPMM, diharapkan lebih ramai pelajar Melayu memilih jurusan kejuruteraan dan sains dan berusaha mencapai tahap kecemerlangan.

Beliau berkata, DPMM juga setakat ini sudah membelanjakan kira-kira RM150,000 bagi membantu membiayai perbelanjaan pendahuluan pelajar miskin yang dapat melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi.

Setiap calon menerima di antara RM500 hingga RM1,000.

Anak penerima Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan penerima bantuan kebajikan masyarakat secara automatik layak menerimanya.

Wan Mohd Al-Bakri berkata, disebabkan DPMM belum mempunyai dana secukupnya untuk memberi biasiswa, dewan memilih memberi pendahuluan bagi meringankan beban mereka.

Mengenai kutipan daripada pementasan teater, beliau berkata, DPMM berharap dapat mengutip RM400,000 berbanding RM500,000 daripada pementasan teater "Anak Tanjung" yang diadakan pada tahun lalu.

Pihaknya menjual minimum RM4,000 untuk sebuah meja sempena pementasan itu. Sebanyak 140 meja disediakan kali ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tetamu kehormat pementasan berkenaan yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di ibu kota.

Teater itu akan dijayakan oleh beberapa pelakon termasuk Zulkifli Zain, Normala Omar, Safura Yaacob, Nassier Wahab, Mubarak Majid dan Sani Sudin.

(END)